

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 JUNE 2016

# Ikuti program imunisasi – PM

Um - 24/6/2016

**KUALA LUMPUR 23 Jun** - Datuk Seri Najib Tun Razak bimbang dengan sikap segelintir ibu bapa yang enggan bayi dan anak mereka menerima suntikan vaksin atau mengikuti program imunisasi.

Perdana Menteri berkata, tindakan itu bukan sahaja mampu membawa mudarat kepada bayi atau anak mereka malah, berupaya membawa kepada penularan semula penyakit berjangkit yang telah lama berjaya dikawal dari merebak di negara ini.

“Saya harap ibu bapa, terutama yang beragama Islam, janganlah mudah terpengaruh

dengan berita-berita dan khabar angin ini, utamakan kesihatan anak-anak anda dan jadilah ibu bapa yang bertanggungjawab.

“Kepada mereka yang menyebarkan berita-berita dan khabar angin ini menggunakan alasan agama, berhentilah daripada berbuat demikian, jangan memandai-mandai. Rujuk kepada mereka yang lebih tahu mengenai perkara ini,” katanya dalam kenyataan melalui laman blog NajibRazak.com hari ini.

Beliau mengulas tentang isu vaksin yang hangat dibincangkan dalam media sosial sejak semalam.

Najib turut menyatakan rasa sedih di atas kematian seorang kanak-kanak berusia dua tahun di Alor Setar, Kedah akibat jangkitan bakteria difteria semalam.

Perdana Menteri menambah, sememangnya umat Islam meletakkan harapan pada Allah SWT namun pada masa sama ia perlu disertakan dengan usaha seperti firman Allah SWT dalam surah ar-Ra’d ayat 11 yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.”



**Waktu Solat**  
MBSB  
Majlis Kebangsaan Pertahanan Keluarga  
Pertahanan Keluarga Anda

	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
<b>KUALA LUMPUR</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.43	7.06	1.18	4.44	7.28	8.43
<b>PULAU PINANG</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.45	7.07	1.23	4.50	7.35	8.52
<b>KUANTAN</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.38	7.02	1.13	4.39	7.21	8.36
<b>JOHOR BAHRU</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.38	7.01	1.10	4.35	7.15	8.31
<b>KUCHING</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.13	6.36	12.45	4.10	6.51	8.06